



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2014

---

### SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK

#### TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan satu skim perkhidmatan baharu iaitu skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik.

#### LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi terutamanya dalam penggunaan media sosial dalam menyampaikan maklumat dan untuk menarik calon yang mempunyai kemahiran dalam pengurusan media sosial, kerajaan telah bersetuju mewujudkan skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik.

3. Pewujudan skim perkhidmatan baharu ini juga bagi memperkuuhkan komunikasi korporat perkhidmatan awam dan mempertingkatkan akses rakyat kepada maklumat yang tepat berkaitan perkhidmatan awam.
4. Peranan utama skim perkhidmatan ini adalah merancang, menganalisis isu-isu berkaitan dasar negara dan isu semasa, mempromosi dasar dan program kerajaan dan memantau isu berkenaan di media sosial.

## **PELAKSANAAN**

5. Skim perkhidmatan baharu ini dinamakan skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik. Perbekalan yang terdapat dalam skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:
  - (a) skim perkhidmatan ini diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Sosial (S);
  - (b) gred jawatan/gred gaji skim perkhidmatan ini ialah Gred S41, S43/44, S47/48, S51/52, S53/54;
  - (c) syarat lantikan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S41:
    - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
    - (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

- (iii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
  - (iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) skim perkhidmatan ini memperuntukkan pelantikan secara lateral ke gred-gred yang lebih tinggi iaitu Gred S43, S47, S51, S53 tertakluk memenuhi syarat seperti berikut:
- (i) memiliki kelayakan akademik yang disyaratkan seperti di perenggan 5(c); dan
  - (ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

6. Maklumat berkaitan skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik adalah seperti di **Lampiran A**;
- (b) format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**;
- (c) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) adalah seperti di **Lampiran C**; dan
- (d) penguraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran D**.

7. Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Komunikasi Strategik adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

## **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2014**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

6 | Julai 2014

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

## **LAMPIRAN A**

### **SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>: PERKHIDMATAN SOSIAL</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: S41, S43/44, S47/48, S51/52, S53/54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2014</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM1,909.00); atau</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,112.86); atau</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,521.70); atau</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,828.32).</p>

- SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK GRED S43, S47, S51, S53**
2. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S43, S47, S51 atau S53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
    - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 di atas; dan
    - (b) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred S43: RM3,363.00/  
 Gaji permulaan lantikan pada Gred S47: RM4,914.00/  
 Gaji permulaan lantikan pada Gred S51: RM5,532.00/  
 Gaji permulaan lantikan pada Gred S53: RM5,830.00).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S41, S43, S47, S51, S53 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan;
    - (c) lulus peperiksaan/penilaian yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Komunikasi Strategik Gred S41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S44 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Komunikasi Strategik Gred S43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S48 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Komunikasi Strategik Gred S47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S52 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Komunikasi Strategik Gred S51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Komunikasi Strategik Gred S54 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Komunikasi Strategik Gred S53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

## **LAMPIRAN B**

### **FORMAT IKLAN JAWATAN**

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**LAMPIRAN C**

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM  
BAGI PERKHIDMATAN SOSIAL  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
MULAI 1 JULAI 2014**

**(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305SA54000	S54	5,830.00	11,858.00	320.00
SSM305SA53000	S53	5,830.00	11,858.00	320.00
SSM305SA52000	S52	5,532.00	11,188.00	290.00
SSM305SA51000	S51	5,532.00	11,188.00	290.00
SSM305SA48000	S48	4,914.00	10,552.00	270.00
SSM305SA47000	S47	4,914.00	10,552.00	270.00
SSM305SA44000	S44	3,363.00	9,406.00	250.00
SSM305SA43000	S43	3,363.00	9,406.00	250.00
SSM305SA41000	S41	1,909.00	8,644.00	225.00

## **LAMPIRAN D**

### **PENGHURAIAN KERJA UMUM PEGAWAI KOMUNIKASI STRATEGIK**

#### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Komunikasi Strategik Gred S41, S43/44, S47/48, S51/52, S53/54.

#### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Kementerian/Jabatan.

#### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab merancang, menganalisis isu-isu berkaitan dasar negara dan isu semasa, mempromosi dasar dan program kerajaan dan memantau isu berkenaan di media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, blog, portal dan sebagainya.

#### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

##### **4.1 Fungsi dan Bidang Tugas Umum**

###### **Perancangan**

- (a) merancang, menganalisis dan menulis artikel mengenai isu-isu berkaitan dasar negara dan isu semasa secara proaktif untuk mempromosi dan menjelaskan dasar kerajaan untuk difahami oleh setiap kumpulan sasaran;

- (b) merancang dan merangka tindakan strategik dan pelan intervensi yang sesuai digunakan untuk menangani isu-isu berbangkit di media sosial baharu seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, blog dan portal;

### **Penganalisisan**

- (c) melihat trend dan menganalisis dasar dan program kerajaan melalui media sosial;
- (d) menganalisis persepsi dan reaksi terhadap dasar dan program kerajaan;

### **Promosi**

- (e) menyebarkan maklumat Kerajaan melalui media sosial;
- (f) meningkatkan jaringan rangkaian media siber kerajaan menerusi media sosial;
- (g) merancang promosi penggunaan media siber yang sihat di kalangan masyarakat;

### **Pemantauan**

- (h) memantau dan menganalisis situasi semasa dan membuat ramalan strategik berkenaan impak sesuatu isu dalam media siber;
- (i) memberi tindak balas segera (*real time*) terhadap isu dan komen mengenai kerajaan oleh pengguna media sosial; dan

- (j) memantau penggunaan media sosial dan menyediakan laporan pemantauan dan risikan secara berterusan.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- (a) Rakan sekerja di pejabat; dan
- (b) Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

### **Luaran**

- (a) Orang awam;
- (b) Para profesional;
- (c) Pegawai dan kakitangan agensi kerajaan;
- (d) Sektor swasta dan industri;
- (e) Komuniti dan masyarakat;
- (f) Pertubuhan bukan kerajaan (NGOs); dan
- (g) Agensi antarabangsa.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- (a) Dalam dan luar pejabat.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Berkebolehan dalam membuat perancangan strategik dalam penggunaan media sosial;
- (b) Mempunyai kemahiran teknologi maklumat yang baik dan berkebolehan menggunakan media sosial dengan berkesan;

- (c) Peka, sensitif dengan isu-isu semasa dan berkeupayaan untuk menangani isu;
- (d) Mempunyai kebolehan dan kemahiran membuat analisis dengan baik;
- (e) Berkebolehan menggembeling jentera komunikasi kerajaan untuk menangani isu melalui media sosial;
- (f) Berupaya mewujudkan rangkaian komunikasi dalam dan luar negara; dan
- (g) Berpengalaman dan berkebolehan menjangka dan meramal isu-isu yang akan berbangkit.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Integriti;
- (b) Bertanggungjawab;
- (c) Profesionalisme;
- (d) Intelek;
- (e) Kualiti;
- (f) Disiplin;
- (g) Menepati masa;
- (h) Semangat berpasukan; dan
- (i) Kesegeraan (*sense of urgency*).

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- (a) Percanggahan kepentingan;
- (b) Kebocoran dan salah guna maklumat; dan
- (c) Terdedah kepada penyelewengan dan salah guna kuasa.